BAHAGIAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BANGUNAN BANK PERTANIAN
TINGKAT 12—14
LEBOH PASAR BESAR
KUALA LUMPUR.

Telefon: 922066
Kawat: 'PELAJARAN'

Ruj. Fail: KP. 8591/(81)

Tarikh: 16hb. September, 1981.

Pengarah Pelajaran
Semua Negeri.

Tuan,

Surat Pekeliling Iktisas No. 4/1981
Kebersihan Di Sekolah-Sekolah

Guru-guru Besar perlu diingatkan bahawa kebersihan sekolah adalah perlu dititikberatkan setiap waktu. Kementerian Pelajaran melalui surat pekeliling ini menegaskan bahawa tindakan yang positif hendaklah diambil oleh tiap-tiap Guru Besar menentukan kebersihan sekolah dan kawasannya.

2. Bukan hanya bangunan dan perkarangan sekolah mesti berada dalam keadaan bersih setiap masa, tetapi adalah menjadi tanggungjawab Guru Besar menentukan bahawa semua bilik darjah termasuk pejabat sekolah, bilik guru, bilik setor dan lain-lain sentiasa dalam keadaan bersih dan teratur. Perhatian utama hendaklah diberi kepada kebersihan tandas dan kantin. Kawasan sekolah juga hendaklah bersih daripada longgokan-longgokan sampah, rumput yang tidak berbela, lopak-lopak air, himpunan perabut-perabut yang tidak boleh digunakan lagi.

3. Pengarah Pelajaran Negeri diminta memberi perhatian tentang ini dan mengarah semua Guru Besar mempastikan bahawa kawasan sekolah mereka sentiasa dalam keadaan kemas, bersih dan indah, termasuk juga semasa cuti sekolah. Sebagai langkah mencantikkan keadaan sekitar, pokok-pokok hiasan dan bunga bolehlah ditanam di tempat-tempat yang sesuai.

4. Cadangan-cadangan Untuk Tindakan

(a) Penubuhan Jawatankuasa Kebersihan Sekolah peringkat negeri dan juga pada peringkat sekolah.

(b) Mengadakan kempen atau pertandingan di antara kelas/sekolah tiap-tiap tahun. Sekolah yang berjaya diberi surat kepujian.

(c) Pegawai-pegawai dari Jabatan Pelajaran yang membuat lawatan ke sekolah boleh juga menarik perhatian guru besar terhadap kebersihan sekolah.

(d) Mengeluarkan garis-garis panduan yang sewajarnya.

(e) Mendapatkan kerjasama dari pihak guru dan murid — perkara ini hendaklah ditegaskan dalam mesyuarat guru dan perhimpunan sekolah.

5. Tuan diminta mengemukakan rancangan dan laporan tindakan yang diambil oleh Jabatan tuan mengenai perkara tersebut di atas kepada Kementerian ini sebelum 15hb. Oktober, 1981. Semua laporan hendaklah dihantar terus kepada Pengarah Sekolah-Sekolah, Bahagian Sekolah-Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia, Bangunan Bank Pertanian, Tingkat 12—14, Leboh Pasar Besar, Kuala Lumpur.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI IDRIS BIN HAJI TAIN)
Bahagian Sekolah-Sekolah,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran.

s.k.

1. Setiausaha Sulit kepada YB. Menteri Pelajaran Malaysia.
2. Setiausaha Sulit kepada YB. Timbalan Menteri Pelajaran I.
3. Setiausaha Sulit kepada YB. Timbalan Menteri Pelajaran II.
4. Ketua Setiausaha.
5. Ketua Pengarah Pelajaran.
6. Timbalan Ketua Setiausaha I.
7. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran I.
8. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran II.
9. Timbalan Ketua Setiausaha II.
10. Semua Ketua Bahagian.
11. Pegawai Khas I kepada YB. Menteri Pelajaran Malaysia.
12. Pegawai Perhubungan Awam.